



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERKESANAN MODUL PEMBELAJARAN
SUPER 8 (MPS8) BAGI KEMAHIRAN
MENGENAL HURUF MURID
PEMULIHAN KHAS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

JULIYA BINTI BAHAROM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERKESANAN MODUL PEMBELAJARAN *SUPER 8* BAGI KEMAHIRAN
MENGENAL HURUF MURID PEMULIHAN KHAS

JULIYA BINTI BAHAROM

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK – KANAK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada ...23...(hari bulan).....Julai..... (bulan) 20.24...

i. Perakuan pelajar :

Saya, Juliya binti Baharom, M20171000439 Fakulti Pembangunan Manusia (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Keberkesanan Modul Pembelajaran Super 8 (MPS8) bagi Kemahiran Mengenal huruf Murid Pemulihan Khas

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. Nor Mashitah binti Mohd Radzi (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Keberkesanan Modul Pembelajaran Super 8 (MPS8) bagi Kemahiran Mengenal Huruf Murid Pemulihan Khas

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak - Kanak) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

23.07.2024

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KEBERKESANAN MODUL PEMBELAJARAN SUPER 8 (MPS8) BAGI KEMAHIRAN
MENGENAL HURUF MURID PEMULIHAN KHAS

No. Matrik / Matric's No.: M20171000439

Saya / I: JULIYA BINTI BAHAROM

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 23.07.2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim...

Alhamdulillah, Segala Puji Bagi Allah, Tuhan Yang Maha Besar, Yang Maha Mengetahui akan Segala sesuatu di langit dan di bumi.

Dengan izin Allah SWT, akhirnya kajian penyelidikan ini dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Terima kasih kepada suami tercinta, Zairianuar bin Zainal atas sokongan dan dokongan yang diberikan serta menjadi penguat semangat di kala perasaan Lelah itu datang. Buat anak – anak yang mami sayangi, Aira Nabila, Aaron Malique dan Anne Maryam; terima kasih sayang atas segala – galanya. Sesungguhnya kamu semua turut berkorban dalam perjuangan mami ini. Maafkan mami jika ada kelompangan yang mami tidak dapat tutupi selama lima tahun ini. Kehadiran Anne Maryam di kala mami sedang berjuang dengan kajian ini telah mewarnai perjalanan mami dalam melunaskan kajian ini. Terima kasih Allah. Buat mak dan ayah; terima kasih kerana turut berjuang bersama saya. Doa, masa dan kadang kala wang ringgit juga akan saya kenang hingga akhir hayat ini. Buat mak dan abah, terima kasih juga kerana sudi menjaga anak – anak saya di kala saya dan suami tidak mampu untuk bersama mereka. Semoga Allah kurniakan Jannah buat mak, ayah, abah dan mak serta semua kesayanganku. Juga buat seluruh adik beradik ku yang ku sayang; Kakak, Kakni, arwah abang Pi, abang Arip, Saril, Sabri dan Adha. Juga Qis.

Tidak dilupakan, penyeliaku yang pertama; Dr Zainiah Isa. Terima kasih atas ilmu, nasihat dan sokongan yang diberikan kepadaku sewaktu aku sudah hampir berputus asa untuk meneruskan perjuangan ini. Setelah bersara, ku teruskan perjuangan bersama penyelia kedua, Dr. Nor Mashitah Mohd Radzi. Terima kasih kerana sudi menerimaku dan membantuku meneruskan kajian ini. Terima kasih atas ilmu, masa, dan sokongan yang diberikan. Hanya Allah yang mampu membalas segala kebaikan kalian berdua.

Turut ku titipkan ucapan terima kasih ke atas rakan seperjuangaku iaitu Ira, Iza, Ain, Anuar dan Huda. Sesungguhnya insan – insan ini terlalu istimewa dan banyak memberi bantuan dan sokongan. Moga kalian semua berjaya dalam lapangan masing – masing. Tidak ku lupakan buat sahabatku yang sering memberi sokongan iaitu Norni dan Fieza. Sayang kamu.

Di akhir kalam, jutaan terima kasih ku ucapkan buat semua insan yang membantu dalam kajianku ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Terima kasih kerana banyak berkorban dalam memastikanku sentiasa dilandaskan yang betul dan terus berjuang. Tanpa kalian semua, kajian ini tidak mampu sampai ke garisan penamatnya. Alhamdulillah, sesungguhnya Allah itu sentiasa ada dan tidak pernah tidur. Moga kalian sentiasa dalam Rahmat Allah dan dan lindunganNya. Amin Ya Allah.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membangunkan dan menguji Keberkesanan Modul Pembelajaran Super 8 (MPS8) bagi Kemahiran Mengenal Huruf Murid Pemulihan Khas. MPS8 telah dibangunkan berpandukan Model ADDIE iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk, fasa pembangunan, fasa pelaksanaan dan fasa penilaian. Bagi konteks elemen dan kandungan MPS8, teori tingkah laku Thorndike, Prinsip Montessori dan Kaedah *Brain Gym*® telah digunakan sebagai asas kepada penghasilan MPS8. Pendekatan kuantitatif menggunakan reka bentuk pra-eksperimen *One Group Pretest-Posttest Design* digunakan bagi menguji perbezaan skor dan keberkesanan MPS8 bagi kemahiran mengenal huruf murid pemulihan khas. Teknik persampelan yang digunakan ialah persampelan bertujuan di mana sampel kajian terdiri daripada 34 orang guru pemulihan khas dan 20 orang murid pemulihan khas Daerah Bentong, Pahang berumur 7 dan 8 tahun yang mana murid – murid ini belajar menggunakan MPS8 selama lapan minggu. Tiga instrumen bagi kajian ini iaitu soal selidik analisis keperluan membangunkan MPS8, Modul MPS8 dan Ujian Saringan Kemahiran Mengenal Huruf berciri ujian pra-pasca satu kumpulan digunakan dalam kajian ini. Bagi fasa analisis keperluan, data soal selidik guru mengesahkan keperluan membangunkan sebuah modul pembelajaran bagi kemahiran mengenal huruf murid pemulihan khas. Dapatan kajian mendapati aspek reka bentuk dan pembangunan, panel pakar telah mengesahkan dua konstruk utama dengan penambahbaikan terhadap MPS8 dan ujian saringan. Analisis ujian pra – pasca dalam fasa penilaian menggunakan *paired sampel t – test* menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada skor selepas rawatan ($t = -26.575$; $df = 19$, $p = 0.00$). Kesimpulannya, MPS8 telah meningkatkan kemahiran mengenal huruf murid pemulihan khas yang terlibat dalam kajian ini. Implikasi kajian menunjukkan bahawa MPS8 boleh digunakan oleh guru – guru pemulihan khas di sekolah rendah.



EFFECTIVENESS OF LEARNING MODULE OF SUPER 8 (MPS8) IN RECONIZING ALPHABET SKILL AMONG REMEDIAL PUPILS

ABSTRACT

The goal of this study is to develop and test the Effectiveness of ‘Modul Pembelajaran Super 8 (MPS8)’ (Super 8 Learning Module) in teaching letter recognition skills to remedial class pupils. MPS8 is developed based on ADDIE Model which consisted 5 phases: Analysis, Design, Development, Implementation and Evaluation. In developing elements and content of MPS8, behavioural theory of Edward Lee Thorndike, Montessori principles and Brain Gym® method are used as a foundation of MPS8. A quantitative approach using One Group Pretest-Posttest Design is used to test the score difference and the effectiveness of MPS8 in teaching letter recognition skills to remedial class pupils. Purposive sampling technique is conducted to 34 remedial class teachers and 20 remedial class pupils in Bentong, Pahang with aged 7 and 8 years old, who have learned using MPS8 for 8 weeks. Three sets of questionnaires and a one-group pre-post test are administered for data collection of this study. In Need Analysis phase, the findings from a questionnaire administered to the teachers have proven the need to develop a learning module for developing remedial class pupils’ letter recognition skills. From the aspect of Design and Development, the expert panels have confirmed two main constructs with suggested improvements to MPS8 and preliminary test. The analysis of one-group pre-post test during Evaluation Phase, by using paired t-test has proven that there are significant differences to the score after treatment ($t = -26.575$; $df = 19$, $p = 0.00$). In a nutshell, MPS8 has enhanced letter recognition skills among remedial class pupils involved in this study. This study implication has shown that MPS8 can be used by remedial class teachers in primary schools.

**KANDUNGAN****Muka Surat****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN** ii**PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS** iii**PENGHARGAAN** iv**ABSTRAK** v**ABSTRACT** vi**KANDUNGAN** vii**SENARAI JADUAL** xiv**SENARAI RAJAH** xviii**SENARAI SINGKATAN** xxi**SENARAI LAMPIRAN** xxiv**BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 5

1.3 Pernyataan Masalah 9

1.4 Tujuan Kajian 15

1.5 Objektif Kajian 15



1.6	Persoalan Kajian	16
1.7	Hipotesis Kajian	16
1.8	Kerangka Konseptual	17
1.9	Kepentingan kajian	18
1.10	Batasan Kajian	21
1.11	Definisi Operasional	22
1.11.1	Model ADDIE	22
1.11.2	Kemahiran Menyebut huruf	23
1.11.3	Kemahiran mengenal huruf	23
1.11.4	Kemahiran menulis huruf	24
1.11.5	Modul Pembelajaran <i>Super 8</i> (MPS8)	24
1.11.6	<i>Alphabet 8s</i>	25
1.11.7	<i>Lazy 8</i>	25
1.11.8	<i>Brain Gym®</i>	26
1.11.9	Murid Pemulihan Khas	26
1.12	Rumusan	27

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	28
2.2	Teori Berkaitan Pembelajaran Mengenal Huruf	29
2.2.1	Kaedah Brain Gym®	30
2.2.2	Prinsip Montessori (1907)	33

2.2.3	Teori Pengulangan Thorndike -Koneksionisme (1949)	38
2.3	Modul Pembelajaran <i>SUPER 8</i> (MPS8)	42
2.4	Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)	46
2.4.1	Buku Panduan Pdp Bahasa Melayu Program Pemulihan Khas	47
2.5	Kemahiran Membaca Di Kalangan Murid Masalah Pembelajaran	48
2.6	Pengajaran Kaedah Abjad.	51
2.7	Penggunaan Modul dalam Pendidikan	53
2.8	Kesan atau pengaruh <i>Brain Gym</i> ®	55
2.9	Integrasi Model Reka Bentuk Pengajaran ADDIE dalam MPS8	60
2.10	Rumusan	64

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	66
3.2	Reka bentuk Kajian	67
3.3	Reka Bentuk Model ADDIE	68
3.3.1	Fasa Analisis	71
3.3.1.1	Populasi dan Persampelan Fasa Analisis.	74
3.3.1.2	Instrumen Kajian Fasa Analisis	75
3.3.1.3	Kesahan Pakar (Soal Selidik Analisis Keperluan)	76
3.3.1.4	Soal Selidik Kajian Rintis (Pemurnian)	80

3.3.1.5	Kebolehpercayaan Instrumen Analisis Keperluan	82
3.3.1.6	Prosedur Pengumpulan Data Analisis Keperluan	84
3.3.1.7	Dapatan Analisis Data (Soal Selidik Analisis Keperluan) Fasa Analisis	86
3.3.2	Fasa Reka Bentuk (MPS8)	87
3.3.2.1	Reka Bentuk Sukatan Pelajaran MPS8	89
3.3.2.2	Reka Bentuk Aktiviti MPS8	90
3.3.3	Fasa Pembangunan	92
3.3.3.1	Pembangunan MPS8.	92
3.3.3.2	Pembangunan Manual Penggunaan MPS8	98
3.3.3.3	Pembangunan Ujian Saringan Mengenal Huruf	102
3.3.3.4	Instrumen Kajian Fasa Pembangunan	104
3.3.3.5	Kesahan Pakar (Soal Selidik Kesahan kandungan)	108
3.3.4	Fasa Pelaksanaan	113
3.3.4.1	Kebolehlaksanaan dan Kebolehgunaan Instrumen	113
3.3.4.2	Kajian Rintis	114
3.3.4.3	Pelaksanaan Kajian Sebenar	120
3.3.4.4	Sampel Kajian Fasa Pelaksanaan	120
3.3.4.5	Instrumen Kajian Fasa Pelaksanaan	121
3.3.4.6	Prosedur Pengumpulan Data Fasa Pelaksanaan	122

3.3.4.7	Dapatan Analisis Fasa Pelaksanaan	123
3.3.5	Fasa Penilaian	123
3.3.5.1	Sampel Kajian Fasa Penilaian	124
3.3.5.2	Instrumen Kajian Fasa Penilaian	125
3.3.5.3	Dapatan Analisis Fasa Penilaian	125
3.4	Rumusan	126

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	127
4.2	Dapatan Soalan Kajian Satu	128
4.2.1	Analisis Mengikut Konstruk	129
4.2.2	Konstruk 1: Demografi Responden	129
4.2.2.1	Analisis 1A – Jantina	130
4.2.2.2	Analisis 1B – Tempat Berkhidmat	131
4.2.2.3	Analisis 1C – Tempoh Perkhidmatan	132
4.2.2.4	Analisis 1D – Kategori Opsyen Perkhidmatan	133
4.2.3	Konstruk 2: Penentuan Item dan Rekabentuk Modul	134
4.2.3.1	Analisis 2A – Kaedah Pengajaran	134
4.2.3.2	Analisis 2B – Aktiviti/ Latihan	149
4.2.3.3	Analisis 2C – Pantaksiran/ Penilaian	159
4.3	Dapatan Soalan Kajian Dua dan Tiga	169
4.3.1	Konstruk A – Demografi	171
4.3.1.1	Analisis A1 – Jantina	171

4.3.1.2	Analisis A2 – Jawatan/ Profesion	172
4.3.1.3	Analisis A3 – Kelulusan	173
4.3.1.4	Analisis A4 – Pengalaman Dalam Bidang Kepakaran	173
4.3.1.5	Analisis A5 – Institusi/ tempat bertugas	174
4.3.2	Sub Konstruk B (i) – Analisis Item MPS8	175
4.3.3	Sub Konstruk B (ii) - Analisis Kandungan MPS8	177
4.3.4	Sub Konstruk C (i) - Analisis Item Soalan Ujian Saringan	178
4.3.5	Sub Konstruk C (ii) – Analisis Kandungan Soalan Ujian Saringan	180
4.3.6	Konstruk D – Pandangan dan Komen Penambakan Instrumen Oleh Pakar	181
4.4	Dapatan Soalan Kajian Empat dan Lima	183
4.4.1	Analisis Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca.	185
4.5	Rumusan.	185

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	188
5.2	Ringkasan Kajian	189
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	191
5.3.1	Keperluan Pembangunan MPS8	191
5.3.2	Penilaian Kandungan MPS8 dan Ujian Saringan	196
5.3.3	Penilaian Perbezaan yang signifikan sebelum dan selepas penggunaan MPS8	200
5.3.3.1	Pentaksiran Kemahiran Mengenal huruf Murid Pemulihan Khas	200

5.4	Implikasi Terhadap Bidang Kajian.	202
5.4.1	Implikasi Terhadap Teori	203
5.4.2	Implikasi Terhadap Metodologi	205
5.4.3	Implikasi Terhadap Polisi dan Amalan.	206
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan.	207
5.6	Rumusan	209
5.7	Penutup	210
	RUJUKAN	212
	LAMPIRAN	221

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Prinsip Montessori	35
3.1	Objektif Kajian, Responden Serta Kaedah Pengumpulan Data Setiap Fasa	70
3.2	Pecahan fasa analisis dan pelaksanaan	72
3.3	Fasa Analisis dalam Pembangunan MPS8	73
3.4	Item dalam Soal Selidik Analisis Keperluan	75
3.5	Skala likert lima mata.	77
3.6	Kesahan Kandungan Instrumen Soal Selidik Analisis Keperluan.	78
3.7	Kesahan Soal Selidik Analisis Keperluan	79
3.8	Cadangan penambahbaikan item soal selidik oleh pakar.	79
3.9	Soal Selidik Analisis Keperluan Pemurnian (Ujian Rintis).	81
3.10	Analisis Pekali Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik Analisis Keperluan Mengikut Konstruk.	83
3.11	Fasa Reka bentuk Pembangunan MPS8.	88
3.12	Kemahiran dalam MPS8.	88
3.13	Sukatan Pelajaran bagi MPS8	89
3.14	Perincian Aktiviti yang Melibatkan Kaedah <i>Brain Gym</i> ®	91
3.15	Fasa Pembangunan MPS8	92

3.16	Kandungan aktiviti pdp dalam MPS8	93
3.17	Skala likert lima mata.	105
3.18	Item soal selidik kesahan kandungan MPS8 – Konstruk A (demografi)	106
3.19	Item soal selidik kesahan kandungan modul – B (i) Item modul	106
3.20	Item soal selidik kesahan kandungan – B (ii) kandungan modul	107
3.21	Item soal selidik kesahan kandungan – C (i) Item soalan ujian saringan	107
3.22	Item soal selidik kesahan kandungan – C (ii) kandungan soalan ujian saringan	108
3.23	Item soal selidik kesahan kandungan – D Pandangan dan Komen Pakar	108
3.24	Kesahan kandungan instrumen soal selidik bagi item bahagian B dan C	110
3.25	Kesahan kandungan – D Pandangan dan Komen Pakar 1	111
3.26	Kesahan kandungan – D Pandangan dan Komen Pakar 2	111
3.27	Kesahan kandungan – D Pandangan dan Komen Pakar 3	111
3.28	Kesahan kandungan – D Pandangan dan Komen Pakar 4	112
3.29	Kesahan kandungan – D Pandangan dan Komen Pakar 5	112
3.30	Kesahan kandungan – D Pandangan dan Komen Pakar 6	112
3.31	Fasa Pelaksanaan MPS8	113
3.32	Aktiviti dan skor penguasaan aktiviti bagi MPS8	116
3.33	Dapatan skor penguasaan aktiviti kajian rintis – MPS8	116
3.34	Soalan dan skor pemarkahan – Ujian Saringan Mengenal Huruf.	117

3.35	Dapatan skor permarkahan kajian rintis – Ujian Saringan Mengenal Huruf.	118
3.36	Borang senarai semak guru beserta dapatan	119
3.37	Tempoh Pelaksanaan Pengujian MPS8	122
3.38	Fasa Penilaian MPS8	124
4.1	Interpretasi Skor Min (Soal Selidik Analisis Keperluan)	129
4.2	Profil Demografi Responden.	130
4.3	Penentuan Item dan Rekabentuk Modul.	134
4.4	Item Kaedah Pengajaran	134
4.5	Skor dan peratusan responden terhadap Kaedah Pengajaran bagi Pembangunan MPS8.	135
4.6	Item Aktiviti/ Latihan.	149
4.7	Item Pentaksiran/ Penilaian	159
4.8	Skor dan peratusan responden terhadap keperluan pembinaan pentaksiran / penilaian bagi Pembangunan Modul Pembelajaran SUPER 8.	160
4.9	Skala likert lima mata.	170
4.10	Profil Demografi Responden Kajian	171
4.11	Formula Pengiraan Pencapaian Kesahan Kandungan.	175
4.12	Pecahan Item Sub Konstruk B (i).	175
4.13	Nilai Kesahan Kandungan Berdasarkan Penilaian Pakar B(i) Item Modul	176
4.14	Pecahan Item Sub konstruk B (ii).	177
4.15	Nilai Kesahan Kandungan Berdasarkan Penilaian Pakar B(ii) Kandungan Modul.	177

4.16	Pecahan Item Bahgaian C (i).	178
4.17	Nilai Kesahan Kandungan Berdasarkan Penilaian Pakar C(i) Item Soalan Ujian Saringan.	179
4.18	Pecahan Item Bahgaian C (ii).	180
4.19	Nilai Kesahan Kandungan Berdasarkan Penilaian Pakar C(ii) Kandungan Soalan Ujian Saringan.	180
4.20	Komen dan Pandangan Penambahkan Instrumen Oleh Pakar.	182
4.21	Perbandingan Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca.	183
4.22	Perbandingan Skor ujan Pra dan Ujian Pasca.	185

**SENARAI RAJAH**

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual	18
2.1 Kerangka Teori	29
2.2 Lakaran Lazy 8: Sumber Lakaran oleh Guru Pemulihan Khas	33
2.3 Alphabet 8s: Sumber Lakaran oleh Guru Pemulihan Khas	33
2.4 MPS8	46
2.5 Kerangka Teoritikal dan Kerangka Konseptual Pembangunan MPS8	64
3.1 Reka bentuk kajian	67
3.2 Reka Bentuk Pembangunan MPS8 menggunakan ADDIE	69
3.3 Formula Kesahan Kandungan Sidek & Jamaludin (2005)	78
3.4 Carta alir prosedur pengumpulan data	86
3.5 Penyusunan huruf dalam MPS8	94
3.6 Aktiviti menyurih bentuk 8 malas dan cara pernafasan	95
3.7 Aktiviti 3a mengenal pasti bahagian binaan huruf	95
3.8 Aktiviti 3b membentuk huruf yang lengkap	96
3.9 Aktiviti menulis pada garis merah biru.	96
3.10 Aktiviti guntingan dan tampalan	97
3.11 Aktiviti pengecaman huruf.	97





3.12	Manual penggunaan MPS8	101
3.13	Set Soalan Ujian Saringan Mengenal Huruf	104
4.1	Taburan Kumpulan Jantina Guru Pemulihan Khas	131
4.2	Taburan Tempat Berkhidmat Guru Pemulihan Khas	132
4.3	Taburan Tempoh Perkhidmatan Guru Pemulihan Khas	133
4.4	Taburan Opsyen Perkhidmatan Guru Pemulihan Khas	133
4.5	Perbandingan Min bagi Item-item Sub Bahagian 2A	138
4.6	Taburan responden item 2A 1	139
4.7	Taburan responden item 2A 2	139
4.8	Taburan Responden item 2A 3	140
4.9	Taburan responden item 2A 4	141
4.10	Taburan responden item 2A 5	142
4.11	Taburan responden item 2A 6	143
4.12	Taburan responden item 2A 7	144
4.13	Taburan responden item 2A 8	145
4.14	Taburan responden item 2A 9	146
4.15	Taburan responden item 2.10	147
4.16	Taburan responden item 2A 11	148
4.17	Taburan responden item 2A 12.	149
4.18	Taburan responden item 2B 1	150
4.19	Taburan responden item 2B 2	151
4.20	Taburan responden item 2B 3.	152



4.21	Taburan responden item 2B 4.	153
4.22	Taburan responden item 2B 5.	154
4.23	Taburan responden item 2B 6.	155
4.24	Taburan responden item 2B 7	156
4.25	Taburan responden item 2B 8.	157
4.26	Taburan responden item 2B 9.	158
4.27	Taburan responden item 2B 10.	159
4.28	Perbandingan Min bagi item – item Sub Bahagian 2C	162
4.29	Taburan responden item 4.28	163
4.30	Taburan responden item 2C 2.	164
4.31	Taburan responden item 2C 3.	165
4.32	Taburan responden item 2C 4.	166
4.33	Taburan responden item 4.32	167
4.34	Taburan responden 2C 6.	168
4.35	Taburan Responden item 2C 7.	169
4.36	Taburan Kumpulan Jantina Pakar Penilai.	172
4.37	Taburan Jawatan Pakar Penilai.	172
4.38	Kelulusan Pakar Penilai	173
4.39	Taburan Pengalaman Dalam Bidang Kepakaran.	174
4.40	Taburan Institusi/ Tempat Bertugas.	174
4.41	Perbandingan Skor Pentaksiran Mengenal Huruf Sebelum dan Selepas Rawatan.	184

SENARAI SINGKATAN

3M	Membaca, Menulis dan Mengira
4M	Membaca, Menulis, Mengira dan Manusiawi
<i>ADD</i>	<i>Attention Deficit Hyperactivity</i>
<i>ADDIE</i>	<i>Analyze, Design, Development, Implement, Evalute</i>
<i>ADHD</i>	<i>Attention Deficit Hyperactivity Disorder</i>
<i>B40</i>	<i>Bottom 40%</i>
<i>BGI</i>	<i>Brain Gym International</i>
BPK	Bahagian Pendidikan Khas
<i>COVID 19</i>	<i>Coronavirus Disease 2019</i>
<i>DASS-21</i>	<i>Depression, Anxiety, Stress Scale 21</i>
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
<i>EDU-K</i>	<i>Educational Kinesology</i>
<i>EPRD</i>	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar KPM
<i>GDD</i>	<i>Global Developmental Delay</i>
<i>ICT</i>	<i>Information and Communication Technology</i>

IPS	Institut Pengajian Siswazah
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KST	Kenal, Sebut, Tulis
<i>LD</i>	<i>Learning Disability</i>
LINUS	Saringan Literasi dan Numerasi
LIT-A	Literasi Awal
<i>MBGA</i>	<i>Malaysia Brain Gym Association</i>
<i>NCDRC</i>	<i>National Child Development Research Centre</i>
OA	Orang Asli
PAK-21	Pembelajaran Abad Ke 21
PDP	Pengajaran dan Pembelajaran
PDPR	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan

PPBO-ITB Pendekatan pengajaran Berasaskan Otak Integrasi i-
THINK dan Brain Gym

PPD Pejabat Pendidikan Daerah

PPPM Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

SPSS *Statistical Package for the Social Sciences*

TASKA Taman Asuhan Kanak - Kanak

UIS *Unesco Institute Statistic*

UKM Universiti Kebangsaan Malaysia

UNESCO *United Nations Educational, Scientific and Cultural
Organization*

UNICEF *United Nations Children’s Fund*

UPSI Universiti Pendidikan Sultan Idris

SENARAI LAMPIRAN

- A1 Surat Pengesahan Pelajar
- A2 Surat Kelulusan Bersyarat Menjalankan Kajian (EPRD)
- A3 Surat Kebenaran Menjalankan Kajian / Penyelidikan di Sekolah-sekolah di Negeri Pahang.
- B Soal Selidik Analisis Keperluan
- C Borang Penilaian Pakar (Analisis Keperluan)
- D Soal Selidik Kesahan Kandungan
- E Borang Pengesahan Pakar
- F Borang Senarai Semak Guru (Kajian Rintis)
- G Modul Pembelajaran Super 8
- H Set Ujian Saringan Mengenal Huruf
- I1 Surat Perlantikan Pakar Penilai Pengesahan Soal Selidik Analisis Keperluan
- I2 Surat Perlantikan Pakar Penilai Pengesahan Soal Selidik Analisis Keperluan
- I3 Surat Perlantikan Pakar Penilai Pengesahan Soal Selidik Analisis Keperluan
- I4 Surat Perlantikan Pakar Penilai Pengesahan Instrumen Kajian
- I5 Surat Perlantikan Pakar Penilai Pengesahan Instrumen Kajian
- I6 Surat Perlantikan Pakar Penilai Pengesahan Instrumen Kajian
- I7 Surat Perlantikan Pakar Penilai Pengesahan Instrumen Kajian



I8 Surat Perlantikan Pakar Penilai Pengesahan Instrumen Kajian

I9 Surat Perlantikan Pakar Penilai Pengesahan Instrumen Kajian



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Membaca adalah jambatan ilmu. Tanpa kemahiran membaca dan menulis, bagaimana ilmu dapat diperolehi seterusnya disampaikan dan disebar luas kepada masyarakat.

Masalah membaca adalah perkara dominan dalam kalangan murid tahun satu. Biarpun mereka telah mendapat pendidikan awal sedari umur empat atau lima tahun, masih ramai lagi yang belum menguasai tiga kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira (3M). Dua kemahiran asas ini iaitu kemahiran membaca dan menulis adalah komponen utama yang terdapat dalam kemahiran literasi. Menurut Hashim Othman (2005) dalam Nur Jamilah & Nor Zainiyah Zarita (2021), literasi adalah berkaitan dengan keupayaan minimum menguasai kemahiran membaca dan menulis dalam menjalani kehidupan seharian. Cooper dan Kiger (2010) pula mentafsirkan literasi adalah kemahiran yang merangkumi kemahiran mendengar dan bertutur, membaca serta menulis. Keciciran dalam kemahiran literasi ini akan mengakibatkan murid – murid ini terkebelakang seterusnya mengalami masalah untuk melanjutkan pelajaran



ke peringkat seterusnya (Wan Nurzuliana, 2019). Pertambahan murid yang mengalami masalah membaca ini bertambah rumit dengan murid – murid yang langsung tidak mendapatkan pendidikan awal di tadika atau pra sekolah. Menurut data yang dikeluarkan oleh *United Nations Children's Fund* (UNICEF) pada April 2019, secara global, enrolmen kemasukan ke pra sekolah meningkat sebanyak 27% dalam masa 19 tahun iaitu dari 34% pada tahun 2000 kepada 61% pada tahun 2019. Walaupun peratusannya meningkat, pada tahun 2019 masih terdapat sekurang – kurangnya 175 juta kanak – kanak berumur tiga hingga enam tahun tidak didaftarkan ke pra sekolah (*UNICEF Global Report on Early Children Education, 2021*). Masalah ini dilihat berpunca daripada beberapa faktor, antaranya disebabkan masalah kemiskinan, masalah negara yang dilanda krisis pergolakan atau bencana dan latar belakang tahap pendidikan ibu bapa yang mana ibu bapa yang hanya mendapat pendidikan di tahap sekolah rendah atau yang tidak pernah mendapat pendidikan langsung cenderung untuk tidak menghantar anak – anak mereka ke sekolah. Ini menunjukkan masih ramai kanak-kanak yang memasuki tahun satu tidak mendapat pendidikan asas di pra sekolah yang menyebabkan mereka ketinggalan dalam kemahiran literasi iaitu membaca dan menulis.

Melalui laporan yang di keluarkan pada tahun 2017 oleh *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO), lebih daripada 617 juta kanak – kanak dan remaja yang masih belum mencapai tahap penguasaan yang minimum dalam literasi dan numerasi. Dari pecahan ini, seramai 387 juta kanak – kanak adalah dari sekolah rendah berumur enam hingga 11 tahun manakala 230 juta dari golongan remaja yang berumur 12 hingga 14 tahun. Ini bermakna kira – kira 56% kanak – kanak gagal menguasai kemahiran membaca dan mengendalikan operasi asas





matematik pada umur mereka akan menamatkan sesi persekolahan di tahap sekolah rendah. Sebanyak 61%p pula adalah remaja bawah umur yang gagal menguasai kemahiran yang sama menjelang tamat tempoh persekolahan pada tahap menengah rendah (UNESCO, 2017). Menurut Nur Jamilah dan Nor Zainiyah (2021), melalui Agenda Pembangunan Mampan (2030), UNESCO (2020) memberi penekanan terhadap kemahiran asas literasi yang harus dititik beratkan dan seterusnya dikuasai oleh kanak – kanak. Ini bertujuan untuk memastikan agar kualiti pendidikan sesebuah negara bangsa itu mencapai tahap yang memuaskan.

Berdasarkan Kurikulum Standard Pra Sekolah Kebangsaan (KSPK), pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa melayu perlu mengutamakan empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis dan dua aspek iaitu seni bahasa dan tatabahasa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Ini menunjukkan murid – murid di pra sekolah perlu diberi pendedahan berkenaan kemahiran asas dalam literasi. Aspek komunikasi ini juga dilihat berkembang apabila anak – anak mula berfikir contohnya semasa menonton televisyen. Kemahiran berfikir juga merupakan salah satu cabang dalam kemahiran literasi. Merujuk kepada National Reading (2000) dalam Cooper dan Kiger (2010), matlamat literasi komunikasi ini lebih hebat iaitu untuk membina maksud dari apa yang didengar dan dibaca seterusnya menyalurkan maksud tersebut melalui pertuturan dan penulisan. Bagi tujuan menyalurkan maksud dalam bentuk penulisan, semestinya seseorang itu wajib menguasai kemahiran asas literasi iaitu membaca dan menulis.

Literasi awal adalah asas yang perlu ibu bapa terapkan kepada anak – anak apabila mereka mula menunjukkan minat untuk belajar atau seawal usia dua tahun. Nik Salmi et al. (2020) dalam Nabilah Asha et al. (2020) berpendapat proses pertuturan,





membaca dan menulis akan mula berkembang sejak lahir dan melalui proses yang berterusan sehingga seseorang itu benar – benar menguasai kemahiran membaca dan menulis. Kemahiran literasi awal dan kemahiran komunikasi mempunyai komponen yang sama iaitu mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Apabila kita menyebut tentang literasi awal, ianya bukanlah hanya berkisar kepada kemahiran membaca seseorang kanak – kanak sahaja. Sebaliknya ianya merangkumi kemahiran lisan, kemahiran berfikir, menulis, menyoal serta menjawab soalan sama ada secara lisan atau pun bertulis. Tanpa kemahiran – kemahiran ini, sesebuah idea yang baik tidak mungkin dapat diterjemahkan dan kemahiran membuat keputusan juga akan sukar dicapai.

Di Malaysia, kelas pemulihan khas di setiap sekolah adalah untuk menempatkan murid pemulihan khas iaitu murid -murid yang menghadapi kesukaran dalam penguasaan kemahiran asas 3M (membaca, menulis dan mengira) yang disebabkan oleh faktor persekitaran. Kelemahan dalam kemahiran asas ini bukan disebabkan oleh faktor-faktor kognitif semata – mata, tetapi faktor persekitaran kanak-kanak itu sendiri. Menurut Zulkifley (2005) dalam Jiani Jaman (2015) kegagalan menguasai kemahiran membaca di kalangan murid pemulihan khas disebabkan oleh faktor – faktor seperti kehadiran ke sekolah, tidak bermotivasi untuk belajar serta persekitaran sekolah dan rumah yang gagal memberi keseronokan kepada mereka untuk belajar. Fong (2018) pula merumuskan murid pemulihan khas adalah murid yang menghadapi kesukaran dalam pembelajaran tetapi tidak mempunyai masalah fizikal dan belajar di arus perdana. Walau bagaimanapun, murid - murid ini bukanlah lemah dalam semua perkara atau mata pelajaran, tetapi melibatkan satu atau dua mata pelajaran dan kemahiran asas tertentu. Oleh itu, program pemulihan khas yang dijalankan di kelas pemulihan khas adalah bertujuan untuk mengembalikan pencapaian pelajar yang bermasalah. Program





ini juga menekankan kepada pencapaian individu supaya mencapai tahap yang memuaskan dan bukannya menormalkan pencapaian mereka (Syed Abu Bakar, 1997).

Murid pemulihan khas ini akan memperlihatkan ciri-ciri utamanya, iaitu lambat belajar berbanding murid-murid yang lain, maka wujudlah jurang perbezaan tahap pencapaiannya dengan tahap pencapaian murid-murid yang lain dalam sesuatu kemahiran. Ciri pelajar ini juga menyebabkan murid pemulihan khas dinamakan murid lambat. Menurut Arshad (2006) dalam Jiani Jaman (2015), murid lemah ini dilihat gagal menjadi pembaca yang mahir disebabkan oleh masalah menguasai asas abjad. Mereka ini perlu dibimbing di kelas pemulihan agar dapat setanding dengan murid lain dalam menguasai kemahiran membaca.

Kajian ini adalah berkisarkan pembinaan modul pembelajaran yang akan digunakan oleh murid pemulihan khas bagi menguasai kemahiran mengenal huruf melalui kemahiran menyebut, mengenal serta menulis huruf. Dalam modul ini, kaedah senaman otak dalam membantu murid untuk mengenal dan menulis huruf telah digunakan. Pembinaan modul ini adalah berpandukan Model ADDIE iaitu merangkumi proses analisis (*Analyze*), reka bentuk (*Design*), pembinaan (*Development*), pelaksanaan (*Implementation*) dan penilaian (*Evaluation*) .

1.2 Latar Belakang Kajian

Program Pemulihan Khas pula merupakan program yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sejak tahun 1960an bagi membantu murid-





murid di sekolah rendah yang menghadapi masalah khusus dalam pembelajaran iaitu menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Pada tahun 1983, sistem pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Kurikulum baru ini merupakan satu usaha untuk kembali semula kepada asas pendidikan dengan memberi fokus kepada kemahiran membaca, menulis dan mengira. Murid-murid yang tidak menguasai 3M dibantu melalui aktiviti pemulihan dalam kelas. Fokus ke arah menangani masalah 3M ini turut termaktub dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006 – 2010 iaitu di dalam teras ketiga: Memperkasakan Sekolah Kebangsaan dan teras keempat: Merapatkan Jurang Pendidikan. Melalui kedua-dua teras ini, beberapa pelan tindakan dirancang untuk memastikan murid-murid menguasai kemahiran asas 3M semasa di tahap satu. Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkasakan Program Pemulihan Khas dengan menaik taraf kelas Pemulihan Khas dan menyediakan Guru Pemulihan terlatih yang mencukupi.

Di Malaysia, Dasar Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak – Kanak (2008) telah diperkenalkan dengan mendukung beberapa objektif penting iaitu:

“Membangunkan kurikulum yang komprehensif bagi perkembangan awal kanak-kanak secara menyeluruh meliputi pendidikan, pengasuhan, nutrisi dan kesihatan dan mewujudkan kemudahan infrastruktur dan persekitaran pembelajaran termasuk peralatan pembelajaran yang berkualiti bagi membolehkan pencapaian hasil pembelajaran yang positif”.

(Dasar Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak – Kanak, 2008)





Ini menggambarkan kerajaan memandang serius akan kemenjadian kanak – kanak sedari mereka belum menjejak kaki ke sekolah rendah. Tanggungjawab mendidik anak – anak kecil ini perlu dimulakan dari awal lagi.

Negara – negara maju juga sudah bertindak pantas dalam memastikan pendidikan awal kanak – kanak tidak diabaikan. Berbagai undang – undang seperti akta pendidikan telah diwujudkan. Amerika Syarikat juga memandang serius tentang masalah keciciran di kalangan kanak – kanak. Akta Tiada Kanak – Kanak Keciciran 2001 atau Akta Individu dengan Masalah Pembelajaran Semakan 2004 telah menggesa sekolah – sekolah di Amerika Syarikat untuk mula memilih amalan pengajaran bersandarkan eviden. Walaubagaimanapun bukan semua amalan pengajaran yang tersedia adalah efektif dan sesuai untuk semua murid terutamanya kepada murid yang menghadapi masalah pembelajaran (Watson & Kelso, 2014). Ini telah membawa kepada pertanyaan di kalangan pendidik tentang program pengajaran dan pembelajaran mana yang paling berkesan. Beberapa program intervensi telah diperkenalkan dan salah satunya adalah *Brain Gym*®. Pengajaran dan pembelajaran yang sama iaitu mengenal huruf dan cara yang sama sejak di pra sekolah membuatkan murid mula bosan dan tidak menunjukkan minat dalam pelajaran. Ini di sokong oleh dapatan dari Kamalwati et al. (2020) yang menerangkan kemahiran mengenal huruf ini perlu dilaksanakan dalam pelbagai kemahiran. Bila kita menyentuh tentang keupayaan membaca, semestinya permulaan kepada keupayaan membaca adalah keupayaan mengenal huruf. Menurut Katherine (1998) dalam Kamalwati et al. (2020), kemahiran mengenal huruf adalah proses yang berbentuk hierarki di mana ianya bermula dengan mengenal huruf, mengenal bunyi, mengenal perkataan dan seterusnya ayat. Kemahiran yang pelbagai dalam memastikan murid boleh membaca dan menulis sangat penting bagi menarik





minat murid yang mudah hilang fokus atau murid yang mempunyai masalah pembelajaran. Kaedah pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah *Brain Gym*® dikatakan dapat mengurangkan tahap tekanan dan meningkatkan fokus murid dalam proses belajar. Ini kerana gerakan – gerakan mudah dalam *Brain Gym*® mampu merangsang keupayaan murid seterusnya membuatkan murid lebih gembira dan seronok untuk belajar (Nenden Desi, 2019).

Rata – rata banyak kajian lepas yang memfokuskan kepada kaedah *Brain Gym*® tetapi kebanyakannya kajian yang difokuskan kepada murid berkeperluan khas atau murid yang mengalami masalah hiperaktif atau *Attention Deficit Hyperactive Disorder (ADHD)* dan *Global Developmental Delay (GDD)*. Antara kajian lepas yang dinyatakan di atas adalah yang dijalankan oleh Nagarkar et al. (2018) yang mengkaji keberkesanan aktiviti *Brain Gym*® terhadap murid autistik. Seterusnya kajian oleh Prasetyo et al. (2020) yang mencari perbandingan tentang keberkesanan antara *ABA Therapy* dan *Brain Gym*® terhadap kemahiran motor kasar dalam kalangan murid autistik. Sulistyio et al. (2017) juga turut menjalankan kajian mengurangkan masalah tantrum di kalangan kanak – kanak autistik melalui kaedah *Brain Gym*®. Masih kurang kajian penggunaan teknik senam otak di kalangan murid normal atau murid pemulihan khas yang mempunyai masalah keciciran atau hilang fokus. Jika di lihat dalam Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Pemulihan Khas (2019), masih belum ada cadangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (pdp) yang menerapkan kaedah *Brain Gym*® ini. Maka bagi kajian ini, pengkaji ingin mengaplikasikannya dalam pengajaran di kelas pemulihan bagi kemahiran mengenal huruf.

Jika dilihat dalam Kurikulum Sekolah Rendah (KSSR) belum ada lagi penerapan kaedah *Brain Gym*® secara khusus dalam mana – mana mata pelajaran yang





diajar di sekolah. Secara dasarnya sekolah – sekolah kerajaan di Malaysia belum lagi mengetengahkan kaedah ini dalam proses pdp. Kaedah *Brain Gym*® ini adalah satu program yang didaftarkan di bawah *Brain Gym International (BGI)*. Di Malaysia kaedah *Brain Gym*® berdaftar di bawah *Malaysian Brain Gym Association (MBGA)*. Kebanyakan sekolah dan tadika swasta di Malaysia menggunakan kaedah ini sebagai aktiviti pdp mereka. Antaranya ialah *De La Vie Music & Art*, Bandar Sri Damansara, *Montessori Daffodils International*, Bandar Sri Damansara, *Brain Science* Sri Damansara dan Tadika Montessori Sinar Gemilang, Bandar Sri Damansara. Terdapat sekolah yang berdaftar di bawah MBGA iaitu SK Bandar Baru Sri Damansara 2 dan SK Bandar Sri Damansara. Ini jauh berbeza dengan negara lain yang sudah mula menerapkan senaman otak di sekolah kerajaan mahupun swasta. Selepas tercetusnya kaedah *Brain Gym*®, ianya telah diperluaskan di Amerika Syarikat dan ke 80 buah negara. Ianya digunakan di sekolah swasta mahupun kerajaan, di syarikat korporat, diterapkan dalam kurikulum seni persembahan dan juga program – program latihan para atlit (Dennison & Dennison, 2006).

1.3 Pernyataan Masalah

Kemahiran membaca sangat penting untuk dikuasai oleh semua murid khasnya murid pemulihan khas. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025, bahagian ekuiti mensasarkan sebanyak 50% jurang pencapaian dapat dikurangkan bagi kawasan bandar dan luar bandar, sosioekonomi dan jantina menjelang tahun 2020. Ini bererti keberhasilan murid perlu dicapai melalui kecekapan yang ada dalam sistem pendidikan. PPPM 2013 -2025 melalui aspirasi murid turut





mensasarkan setiap murid harus berketrampilan dalam mencapai keperluan abad ke – 21. Enam atribut telah digariskan dan perlu dikuasai murid iaitu aspek kepimpinan, kemahiran berfikir, berpengetahuan, keupayaan dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Bagi memastikan semua murid dapat mencapai atribut ini, murid pemulihan khas adalah tidak terkecuali. Kebiasaannya murid pemulihan khas ini adalah murid yang merendah diri dan tiada keupayaan memimpin. Ini adalah disebabkan oleh masalah rendah diri, kurang keyakinan diri dan memandang negatif terhadap pelajaran (Fong, 2018). Maka, di manakah kemampuan murid pemulihan yang belum menguasai kemahiran 3M untuk menguasai keenam – enam atribut ini dalam mencapai matlamat yang diletakkan oleh PPPM? Masalah penguasaan 3M seharusnya diatasi di peringkat yang lebih awal agar masalah lain seperti merendah diri, tidak berkeyakinan serta tiada minat dalam pelajaran dapat di atasi.



Masalah asas literasi iaitu membaca dan menulis ini perlu diatasi secepat mungkin. Ini bagi memastikan murid yang berganjak ke sekolah menengah sudah boleh membaca dan dapat mengikuti pengajaran dengan lebih baik di peringkat sekolah menengah. Kajian yang dijalankan oleh Zamri Mahamod et al. (2021) terhadap tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis murid-murid berpendapatan rendah bawah 40% (B40) dalam pembelajaran bahasa melayu di peringkat sekolah menengah menunjukkan tahap penguasaan yang lemah bagi kemahiran membaca dan menulis murid dari kaum Cina, India dan Melayu sendiri. Mereka ini terdiri daripada keluarga berpendapatan rendah atau miskin. Keutamaan keluarga adalah mencari pendapatan yang mencukupi untuk seisi keluarga. Faktor kesibukan bekerja membuatkan ibu bapa ini kurang memberi tumpuan terhadap pelajaran anak – anak selain faktor kemiskinan



dan tahap pendidikan yang rendah (Zamri Mahamod et al., 2021). Justeru itu masalah membaca dan menulis ini perlu diatasi semasa di sekolah rendah dan secepat mungkin bagi mengelakkan masalah ini berlarutan sehingga ke tahap pendidikan di sekolah menengah. Ini juga berkait rapat dengan isu murid pemulihan khas yang mana kebanyakan daripada mereka terdiri daripada murid dari keluarga B40, ibu bapa berpendidikan rendah dan ada juga yang tidak pernah mendapat pendidikan seperti murid orang asli.

Hanifah et al. (2019) dalam kajiannya telah melaporkan kira – kira 10, 409 (48.1%) murid pra sekolah di seluruh Sabah masih belum menguasai kemahiran membaca. Kerisauan terhadap masalah ini akan bertambah sekiranya ia tidak diatasi sebelum murid – murid ini melangkah ke tahun satu dan lebih membimbangkan sekiranya berlanjutan hingga ke sekolah menengah.

Masalah buta huruf dan ketidakupayaan membaca dalam kalangan murid pemulihan adalah di tahap yang membimbangkan. Ketua Pengarah UNESCO, Audrey Azoulay dalam Persidangan Antarabangsa Pendidikan Dewasa di Marrakesh, Maghribi, mengesahkan isu buta huruf merupakan isu global. Menurut beliau, dianggarkan sebanyak 770 juta orang daripada golongan muda dan dewasa termasuk dalam kelompok ini Ketujuh (Salmah, 2023). Masalah ini akan menjadi lebih parah apabila murid pemulihan ini berada dalam kelas perdana. Ketidakupayaan membaca akan menyebabkan mereka keciciran dalam pelajaran yang diajar. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Prof Ir Dr. Rizalafande Che Ismail menyatakan bahawa ramai pelajar sekolah rendah yang mengalami masalah buta huruf seterusnya tidak dapat menguasai kemahiran 3M (Noor Sara Mashitoh, 2022).



Tanggal 18 Mac 2020, Malaysia berdepan dengan pandemik Virus Corona (Covid 19). Akibatnya, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan di seluruh negara. Sistem pendidikan tidak terkecuali dalam menerima kesan ini. Institusi pendidikan ditutup serta merta. Dari peringkat terendah hinggalah ke peringkat tertinggi dalam sistem pendidikan menerima kesan yang amat besar. Proses pdp yang selama ini dijalankan secara bersemuka telah berubah haluan. Sehingga kini, murid melalui proses pengajaran dan pembelajaran dari rumah (pdpr). Serentak dengan itu, pdpr dilaksanakan secara atas talian atau secara maya dan tidak ada lagi pembelajaran secara bersemuka. Guru perlu proaktif dalam merencanakan kaedah pdpr yang berkesan dan dapat disalurkan kepada semua murid secara optimum. Ini merupakan cabaran terbesar kepada guru dan juga murid. Ini kerana menurut Karwati (2014) dalam Arwansyah et al. (2021) kejayaan sesebuah pengajaran secara dalam talian perlu wujudnya tiga unsur penting iaitu guru, pelajar dan juga teknologi. Pdpr secara dalam talian merupakan satu cabaran besar yang dihadapi oleh guru dan juga murid kerana beberapa faktor. Antaranya adalah masalah capaian internet, masalah pemilikan gajet elektronik dan juga masalah penguasaan kemahiran menggunakan gajet serta aplikasi pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru dan juga murid (Muhammad Izzat, 2021). Masalah ini bakal menampakkan kekurangan menjalankan pdp secara dalam talian dan keupayaan murid dalam menerima pengajaran dan keupayaan guru dalam menyampaikan pengajaran (Arwansyah et al., 2021). Bagi murid pemulihan khas pula, kebanyakan mereka datangnya dari murid yang mempunyai tahap sosio ekonomi yang rendah dan juga dari kalangan murid orang asli. Tahap penguasaan teknologi maklumat mereka sangatlah terhad. Dengan kelemahan yang terdapat dalam salah satu unsur (guru, murid, teknologi), proses pdp secara atas talian ini dilihat bakal memberi kesan yang tidak baik terhadap pencapaian murid (Arwansyah et al., 2021). Ini diperkukuhkan





lagi oleh Minah Sintian et al. (2021) yang menyatakan bahawa kebanyakan murid yang berada di kawasan luar bandar di Malaysia ini mengalami masalah dari segi kemudahan pembelajaran dan juga kekurangan sumber teknologi digital.

Masalah belum menguasai huruf di kalangan murid tahun satu juga mendatangkan kebimbangan kepada semua pihak. Ini di tambah pula dengan situasi pandemik Covid 19 yang menyebabkan murid tidak dapat bersekolah dan belajar secara berdepan atau secara fizikal. Kini, aktiviti pdpr secara atas talian atau tidak bersemuka di mana bukan semua murid mampu akses kepada pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Merujuk kepada Kutipan Data Murid Tahun Satu Daerah Bentong pada 31 Mac 2021, seramai 231 daripad 1573 orang murid tahun satu yang masih belum mengenal huruf. Daripada 231 orang murid tersebut, hanya lima orang sahaja yang tidak mendapat pendidikan awal semasa berumur lima hingga enam tahun. Ini menunjukkan seramai 226 orang murid tersebut telah mendapat pendidikan awal tetapi masih belum menguasai huruf apabila berganjak ke tahun satu. Menurut Slavin (2008), kemahiran membaca dilihat sebagai faktor kegagalan dalam proses pembelajaran dan memperolehi ilmu di peringkat yang lebih tinggi. Abdul Rasid Jamian (2011) pula berpendapat kegagalan menguasai kemahiran membaca akan membantutkan minat murid untuk terus belajar. Justeru itu, kemahiran mengenal huruf sangat penting untuk dikuasai oleh murid tahun satu kerana ianya sebagai kayu ukur dalam memastikan murid boleh mencapai kemahiran membaca setanding dengan murid lain. Tanpa kemahiran mengenal huruf, keupayaan untuk membaca adalah sangat terhad. Menurut Hawati Abdul Hamid (2021), Institut Statistik UNESCO (UIS) menjangkakan peningkatan jumlah kanak –kanak seluruh dunia yang tidak menguasai kemahiran membaca meningkat sebanyak 100 juta dan menjadikan jumlahnya sebanyak 584 juta.



29 juta adalah terdiri daripada kanak – kanak asia timur dan asia tenggara. Jangkaan kenaikan ini adalah disebabkan oleh penutupan sekolah disebabkan pendemik Covid 19. Ini diperkukuhkan lagi dengan dapatan dari tinjauan yang dilakukan terhadap guru pra sekolah dan tadika swasta di Lembah Klang. Guru – guru berkenaan melaporkan 70% murid mereka masih belum menguasai kemahiran 3M (Hawati Abdul Hamid, 2021). Masalah ini akan menampakkan kesan apabila murid memasuki tahun satu. Murid – murid ini sepatutnya dipersiapkan dengan penguasaan 3M semasa mereka berada di pra sekolah atau tadika lagi.

Kelemahan menguasai kemahiran menulis juga merupakan salah satu masalah dalam kalangan murid pemulihan. Kemahiran menulis dikatakan sukar untuk dikuasai kerana ia melibatkan proses otak yang lebih kompleks (Yuznaili Salleh, 2016).

Kelemahan ini disebabkan oleh beberapa faktor yang berkait rapat dengan masalah kekeliruan dan motor kasar murid. Ini disokong oleh Hashim Othman (2005) dalam kajiannya yang mendapati murid yang bermasalah dalam kemahiran membaca adalah disebabkan kekeliruan dengan beberapa abjad dan masalah menggenggam pensel.

Sehubungan dengan masalah yang telah dibincangkan haruslah diatasi secepat mungkin. Kelemahan murid dalam mengenal huruf seterusnya membaca akan cuba diatasi menerusi Pembangunan Modul Pembelajaran *Super 8* (MPS8) yang mana pendekatan kaedah *Brain Gym*® dicadangkan berikutan kaedah ini tidak dinyatakan dalam Buku Panduan Program Pemulihan Khas Bahasa Melayu (2019) dan tidak dipraktikkan oleh guru – guru secara meluas semasa mengajar. Justeru itu pengkaji berminat untuk menghasilkan sebuah modul pembelajaran yang dapat meningkatkan kemahiran mengenal huruf bagi murid pemulihan khas pemulihan khas dalam proses mengenal huruf melalui kaedah *Brain Gym*®.



1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk membangunkan MPS8 dan menilai keberkesannya dalam meningkatkan kemahiran mengenal huruf murid pemulihan khas.

1.5 Objektif Kajian

1.5.1 Mengetahui keperluan untuk membangunkan MPS8 yang sesuai digunakan bagi kemahiran mengenal huruf murid pemulihan khas.

1.5.2 Mengetahui elemen – elemen bagi kerangka pembangunan MPS8 yang sesuai digunakan bagi kemahiran mengenal huruf murid pemulihan khas.

1.5.3 Mengetahui isi kandungan modul yang sesuai untuk kemahiran mengenal huruf murid pemulihan khas.

1.5.4 Mengetahui kesesuaian MPS8 untuk kemahiran mengenal huruf murid pemulihan khas.

1.5.3 Mengetahui perbezaan yang signifikan sebelum dan selepas menggunakan MPS8 bagi kemahiran mengenal huruf murid pemulihan khas



1.6 Persoalan Kajian

- 1.6.1 Adakah terdapat keperluan membangunkan MPS8 yang sesuai digunakan oleh murid pemulihan khas dalam meningkatkan kemahiran mengenal huruf?
 - 1.6.2 Apakah elemen pembangunan modul yang sesuai untuk kemahiran mengenal huruf murid pemulihan khas?
 - 1.6.3 Apakah isi kandungan modul yang sesuai untuk kemahiran mengenal huruf murid pemulihan khas?
 - 1.6.4 Adakah MPS8 sesuai untuk kemahiran mengenal huruf murid pemulihan khas?
-  05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi
- 1.6.5 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan sebelum dan selepas menggunakan MPS8 bagi kemahiran mengenal huruf murid pemulihan khas?

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis merupakan jawapan sementara yang boleh disandarkan terhadap sesuatu penelitian yang akan dijalankan dan bersifat empirikal (Pranata, 2011). Maka, bagi menjawab persoalan kajian 5, terdapat hipotesis yang akan dibuktikan. Hipotesis dalam kajian ini adalah:

- 1.7.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sebelum dan selepas menggunakan MPS8 bagi kemahiran mengenal huruf murid pemulihan khas.



1.8 Kerangka Konseptual


Kerangka konseptual adalah merujuk kepada satu kerangka konsep yang menceritakan secara ringkas tentang reka bentuk kajian, hala tuju kajian, format kajian dan fasa – fasa dalam kajian.

Kerangka Konseptual dalam Rajah 1.1 merujuk kepada kemahiran – kemahiran literasi yang akan diuji dalam modul pembelajaran yang akan dibangunkan. Kemahiran menyebut huruf adalah kemahiran yang penting dalam mengenal sesuatu huruf. Proses ini berlaku semasa proses pengenalan kepada huruf. Menurut Mojibur (2010), tahap kebolehan seseorang murid itu berkomunikasi akan dapat dilihat melalui kemahiran komunikasi secara lisan. Noor Afzaliza Nazira dan Maizatul Haizan (2021) berpendapat kemahiran berkomunikasi adalah satu pegangan yang mencerminkan ketrampilan peribadi. Komunikasi sesama manusia diperlukan dalam proses mengenali dan memahami antara satu sama lain. Menurut Suranto (2011) dalam Noor Afzaliza Nazira dan Maizatul Haizan (2021), komunikasi yang lancar akan berjalan serentak dengan beberapa kemahiran antaranya kemahiran bertutur, penyoalan, kemahiran empati, kemahiran mendengar dan sebagainya. Teknik penyoalan juga merupakan satu teknik yang paling popular dan mudah dilaksanakan di kalangan guru – guru dalam menyampaikan pengajaran mereka (Omardin, 1999). Teknik ini akan memacu kepada kemahiran menyebut murid. Seterusnya kemahiran menyebut berlangsung semasa proses melakar *Lazy 8* dan *Alphabet 8s*. Pada proses ini, murid bersoal jawab sesama mereka berkenaan pembentukan huruf yang terhasil melalui nombor lapan. Murid perlu berfikiran kreatif dalam menghasilkan bentuk huruf melalui teknik *Lazy 8* dan *Alphabet 8s*. Penerapan aspek komunikasi dan kreativiti yang terkandung dalam elemen



Pembelajaran Abad ke 21 (PAK21) juga berlaku di sini. Seterusnya apabila murid mengenal pasti huruf yang terbentuk, guru akan membimbing murid menyebut dan membunyikan huruf berulang kali. Di sini, murid akan mula mengenal huruf. Apabila murid sudah mula mengenal bentuk, nama dan bunyi huruf, fasa seterusnya adalah aktiviti menulis huruf secara mekanis. Murid akan menulis huruf secara berulang di atas lembaran garis biru merah. Penulisan secara mekanis dapat membantu murid yang bermasalah dalam mengingat dan juga masalah tulisan tidak kemas.

Tiga kemahiran murid adalah bersandar kepada KSPK yang menitikberatkan keupayaan murid untuk menguasai kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis dan dua aspek iaitu seni bahasa dan tatabahasa (KSPK, 2017).



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual

1.9 Kepentingan kajian

Kajian ini berkepentingan kepada banyak pihak seperti murid, guru dan ibu bapa. Pertama, kajian ini penting kepada murid kerana fokus utama adalah membangunkan modul pdp untuk kegunaan murid. Modul ini dibangunkan dengan ciri yang lebih ringan dan santai untuk kegunaan murid semasa di dalam program pemulihan khas. Jika



sebelum ini semasa murid berada di tadika atau pra sekolah, kaedah belajar sambil bermain dilihat sebagai kaedah yang bertepatan dengan dunia kanak – kanak itu sendiri, kini apabila mereka berada di aliran pendidikan yang lebih tinggi, penerapan senaman dalam pdp pula diperkenalkan. Senaman melibatkan pergerakan tubuh badan yang seakan – akan kaedah bermain. Kelainannya, kaedah *Brain Gym*® ini mempunyai teknik dan langkah – langkah yang perlu diikuti. Pengkaji cuba mewujudkan satu suasana pdp dan penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran yang lebih santai, yang lain dari pdp sebelum ini iaitu '*chalk and talk*'. Kaedah *Brain Gym*® ini juga akan memberi ruang kepada murid untuk melakukan aktiviti regangan ringkas yang melibatkan tubuh badan. Melalui Modul Pembelajaran ini, murid boleh menyatakan idea mereka. Secara tidak langsung, berlakunya perkembangan idea. Ia juga dapat mencetuskan idea – idea hebat dari murid itu sendiri. Modul ini juga diharapkan dapat membantu melahirkan murid yang lebih berkeyakinan dalam memberi idea dan berkomunikasi.

Menurut Akhmad Sukri dan Elly Purwanti (2016), hasil dari sesebuah pembelajaran itu akan dapat dilihat dari segi kognitif, afektif dan psikomotor seseorang. Proses belajar juga tidak hanya melibatkan otak sahaja tetapi juga anggota tubuh badan. Pergerakan tubuh yang dimaksudkan adalah pergerakan psikomotor seperti koordinasi, pergerakan, kekuatan dan keseimbangan badan dalam kalangan kanak – kanak berumur tiga hingga enam tahun sangat dititik beratkan (Irwan Mahazir et al., 2018). Otak yang berada dalam keadaan tidak bersedia atau stress akan mengakibatkan masalah kepada koordinasi dan kemampuan berfikir. Ini akan menyebabkan masalah hilang fokus (Akhmad Sukri dan Elly Purwanti, 2016). Proses belajar tidak hanya melibatkan otak tetapi juga melibatkan anggota badan. Maka berlaku perhubungan di antara otak dan





juga tubuh badan. Kedua – dua elemen ini disatukan dalam kaedah *Brain Gym*®. Masalah utama murid pemulihan juga adalah sering hilang fokus atau ingatan singkat. Paul Dennison percaya bahawa 26 aktiviti yang terkandung dalam senaman otak ini mempunyai kebaikan dari segi meningkatkan koordinasi dan konsentrasi murid (Dennison & Dennison, 1994).

Seterusnya kajian ini juga berkepentingan kepada guru. Menurut Prinsip Montessori, guru sebagai Panduan dan Penyedia. Ini memberi makna, guru adalah pembimbing terbaik kepada murid dalam proses pdp, guru adalah pemandu arah kepada murid dalam pelaksanaan pdp. Guru sebagai penyedia adalah individu yang bertindak sebagai perancang dalam setiap sesi pdp. Guru juga tidak terikat kepada aktiviti pengajaran berbentuk '*chalk and talk*'. Aktiviti senaman juga memberi manfaat kepada kesihatan badan dan juga otak guru. Aktiviti senam otak ini juga dapat membantu guru mempelbagaikan kaedah pengajaran bagi kemahiran lain pula. Bukan hanya tertumpu kepada kemahiran mengenal huruf sahaja.

Ketiga, kajian ini juga dapat membuka jalan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menganjurkan lebih banyak kursus atau bengkel yang bersesuaian dengan guru pemulihan khas. Melalui bengkel atau kursus yang dianjurkan, akan dapat memberi lebih banyak input yang berguna kepada guru – guru dalam menghasilkan bahan pembelajaran yang lebih kreatif dan menarik minat murid. Melalui bengkel dan kursus juga, akan bertambah banyak perkongsian hebat dari guru – guru yang lebih berpengalaman dan berinovasi. KPM juga dapat menjadikan kajian ini sebagai salah satu bahan rujukan dalam merancang dan mengubahsuai kurikulum sedia ada agar bersesuaian dengan keperluan murid yang lemah membaca.





Seterusnya, kajian ini juga berkepentingan kepada ibu bapa. Melalui kajian ini, diharap ianya dapat memberi input kepada ibu bapa dalam menghasilkan bahan bantu belajar yang lebih ringan dan santai di rumah atau di mana – mana sahaja seterusnya diaplikasikan pada bila – bila masa. Ini kerana pembelajaran bukanlah setakat berjalan di sekolah sahaja. Malah, ibu bapa merupakan guru pertama buat anak – anak mereka, seharusnya ibu bapa yang lebih berperanan dibandingkan dengan guru – guru di sekolah. Murid hanya menghabiskan enam jam waktu mereka di sekolah, selebihnya adalah di rumah. Pandemik Covid 19 ini juga membataskan murid untuk belajar secara bersemuka bersama guru di rumah. Jadi inilah masa yang sesuai untuk ibu bapa bersama anak – anak meneliti kebolehan anak – anak atau mengenal pasti kelemahan anak – anak. Dengan penerapan aktiviti senam otak yang lebih santai dalam modul pembelajaran, ibu bapa juga boleh bertindak sebagai pemandu dan pembimbing kepada anak – anak.



1.10 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dijalankan ke atas murid pemulihan khas sahaja yang belum menguasai huruf. Kajian ini tidak diperluaskan kepada kemahiran suku kata dan perkataan. Murid yang diuji adalah murid pemulihan tegar. Kajian ini hanya ingin melihat modul pembelajaran yang bersesuaian untuk kegunaan murid pemulihan yang belum menguasai huruf dan melihat kesan penggunaan modul yang dibina terhadap penguasaan huruf murid. Kajian ini juga tidak tertumpu kepada murid berkeperluan khas. Ini kerana jika di lihat kepada kajian - kajian berkenaan senam otak, ianya banyak dikaji ke atas murid berkeperluan khas sahaja.





Kajian ini juga hanya tertumpu di daerah Bentong sahaja kerana berdasarkan Dialog Prestasi Program Pemulihan Khas yang dijalankan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, daerah Bentong merupakan antara daerah penyumbang utama kepada peratusan murid pemulihan yang tidak boleh membaca di Negeri Pahang (Pejabat Pelajaran Daerah Bentong, 2023).

Kajian ini juga bersandarkan kepada kaedah *Brain Gym*® yang terdiri daripada 26 teknik gerakan. Walaubagaimanapun, bagi menjalankan kajian ini, dua daripada 26 teknik sahaja telah diambil iaitu teknik *Lazy 8* dan juga *Alphabet 8s*. Ini kerana, dua teknik ini adalah gerakan yang digunakan dalam membimbing murid untuk mengenal bentuk dan menulis huruf. Merujuk kepada Ch'ng & Ahmad (2021), Teknik *Lazy 8* dapat membantu meningkatkan dan memperkukuhkan memori murid untuk mengenal, membentuk dan menulis huruf kecil dengan teknik yang betul. Maka, kedua – dua teknik ini sahaja yang disandarkan dalam kajian.

1.11 Definisi Operasional

1.11.1 Model ADDIE

Model ADDIE merupakan antara model yang kerap digunakan dalam bidang reka bentuk instruksional dan sebagai panduan dalam menghasilkan reka bentuk yang efektif. Akronim ADDIE merujuk kepada lima proses dalam membangunkan sesebuah reka bentuk instruksional iaitu *Analyze* (Analisis), *Design* (Reka Bentuk), *Development* (Pembangunan), *Implement* (Pelaksanaan) dan *Evaluation* (Penilaian) (Aldoobie, 2015). Molenda (2007) menyimpulkam Model ADDIE sebagai satu pendekatan



sistematik dalam pembangunan instruksional yang lebih sinonim di sebut sebagai pembangunan sistem instruksional.

1.11.2 Kemahiran Menyebut huruf

Menurut Ahmad Fared dan Mohammad Seman (2019) kemahiran menyebut adalah salah satu komponen yang terkandung dalam kemahiran bertutur. Ianya meliputi sebutan huruf, perkataan dan juga ayat. Kegagalan menyebut dengan betul akan mengakibatkan mesej yang hendak disampaikan tidak dapat difahami oleh orang lain.

Dalam kajian ini, kemahiran menyebut huruf adalah keupayaan murid untuk menyebut huruf dengan merujuk kepada kebolehan murid untuk menyatakan, menamakan huruf serta membunyikan huruf dengan betul.

1.11.3 Kemahiran mengenal huruf

Menurut Rusti Alam Siregar (2019), mengenal huruf bererti usaha mengenal tanda atau ciri – ciri dalam tulisan yang juga merupakan anggota huruf yang melambangkan bunyi Bahasa. Zaharah dan Suziyani (2019) menyatakan kepentingan mengenal huruf kerana ianya merupakan asas utama kepada murid pra sekolah dan perlu dikuasai sebelum mereka menempuh sesi pdp yang melibatkan kemahiran yang lebih tinggi seperti membaca suku kata, perkataan dan ayat.

Dalam kajian ini, kemahiran mengenal huruf merujuk kepada proses murid mengenal rupa bentuk huruf, bahagian – bahagian yang terlibat dalam aktiviti menulis huruf dan keupayaan menamakan huruf apabila ditunjukkan huruf melalui berbagai medium.

1.11.4 Kemahiran menulis huruf

Menurut Kamaruddin dan Siti Hajar (1997) dalam Shahariah et al. (2015) mentakrifkan kemahiran menulis sebagai proses penyusunan simbol – simbol grafik yang terhasil dari aktiviti pertuturan yang mana akan membentuk perkataan – perkataan dan kemudiannya menghasilkan ayat.

Dalam kajian ini, menulis huruf adalah kemahiran yang diperolehi murid seiring dengan kemahiran mengenal huruf. Murid menulis huruf yang dikenali secara berulang kali menggunakan lembaran garis biru merah. Tujuan murid menulis berulang kali adalah supaya berlakunya proses mengingat bentuk huruf dengan lebih baik.

1.11.5 Modul Pembelajaran *Super 8* (MPS8)

Modul Pembelajaran *Super 8* (MPS8) merupakan sebuah modul pengajaran dan pembelajaran yang digunakan di dalam kelas pemulihan khas dalam meningkatkan kemahiran literasi iaitu kemahiran berkomunikasi untuk menyebut, mengenal huruf dan menulis huruf sahaja. Nama *Super 8* diambil sempena dua aktiviti yang terkandung

dalam 26 aktiviti *Brain Gym*® yang dibangunkan oleh Dennison pada tahun 1970 iaitu *Alphabet 8s* (huruf lapan) dan *Lazy 8* (lapan malas).

1.11.6 *Alphabet 8s*

Salah satu dari 26 aktiviti yang terkandung dalam *Brain Gym*® yang dibangunkan oleh Dennison (1970).

Ia merupakan gerakan yang terlibat dalam pembentukan huruf secara langsung. Gerakan ini dapat membantu murid untuk menulis secara automatik dan juga meningkatkan kemahiran berfikir murid dengan lebih kreatif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, murid akan dibimbing membina dua bulatan yang bersentuhan dan satu garis lurus di antara bulatan. Bulatan kiri akan memacu murid untuk mengenal huruf a c d e f g o q u y dan bulatan kanan pula huruf b h k n p r. Garis lurus di antara dua bulatan adalah untuk mengenal huruf i j l t manakala huruf yang melibatkan kedua – dua bulatan adalah huruf m s v w x z.

1.11.7 *Lazy 8*

Gerakan *Lazy 8* adalah gerakan yang dilakukan dengan melakar nombor lapan dalam keadaan bebaring Gerakan *Lazy 8* boleh dilakar di awangan atau di permukaan pasir



secara berulang kali. Oleh yang demikian, aktiviti ini berupaya mengaktifkan pandangan mata kanan dan kiri serta mengintegrasikan penglihatan kanan dan kiri

Dalam kajian ini, *Lazy 8* bermaksud murid melakar nombor lapan secara horizontal secara berulang kali dan mengenal pasti bentuk abjad yang muncul dari lakaran tersebut. Lakaran murid melibatkan aktiviti menggunakan pasir dan juga aktiviti melakar menggunakan pensel.

1.11.8 *Brain Gym*®

Menurut Dennison (2005) *Brain Gym*® menerangkan tentang satu set pergerakan untuk menyokong perkembangan fungsi otak. Menurut pengasas kaedah *Brain Gym*®, Paul Denisson (2005) menerangkan bahawa ahli Kinesiologi percaya bahawa pergerakan mampu mencipta kepintaran.

Dalam kajian ini, *Brain Gym*® bermaksud aktiviti pergerakan yang dijalankan sebelum dan semasa proses pembelajaran yang meliputi teknik *Lazy 8* dan *Alphabet 8s*.

1.11.9 Murid Pemulihan Khas

Murid pemulihan khas adalah seorang yang mempunyai masalah pembelajaran tetapi tiada masalah fizikal. Murid pemulihan khas adalah murid yang berada di arus perdana (Fong, 2018). Nurul Haniza et al. (2018) pula mentakrifkan murid pemulihan khas





sebagai murid yang menghadapi masalah menguasai kemahiran 3M disebabkan oleh faktor persekitaran. Faktor kognitif walaupun bagaimanapun tidak dilihat sebagai penyumbang kepada masalah ini.

Dalam kajian ini, murid pemulihan khas merupakan murid yang terpilih untuk ke program pemulihan khas. Murid pemulihan khas ini juga adalah murid yang belum menguasai kesemua huruf dan tidak boleh mengeja atau membaca.

1.12 Rumusan

Bab ini telah menjelaskan dengan terperinci kenapa pengkaji memilih untuk membina MPS8 untuk kemahiran mengenal huruf murid pemulihan khas. Kajian ini juga menekankan tentang kepentingan kemahiran literasi awal dan bagaimana senaman otak ini dapat membantu meningkatkan akademik murid. Kemahiran membaca merupakan salah satu kemahiran yang wajib dikuasai oleh murid tahun satu hingga tiga bagi menempatkan mereka sebaris dengan murid lain apabila berganjak ke tahun empat. Kemahiran membaca dan menulis saling berkait antara satu sama lain dalam memastikan murid itu menguasai kemahiran literasi. Kanak – kanak di tahun satu masih dikategorikan berada di dalam lingkungan pendidikan awal kanak – kanak. Oleh itu masalah tidak mengenal huruf harus diutamakan dan harus diatasi sebelum mereka berganjak ke tahun seterusnya.

